

**TEKS UCAPAN**  
**Y. BHG. BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN**  
**KARNIVAL KERJAYA DAN KEUSAHAWANAN UNIMAP**  
**(CEC 2010)**  
**PADA 10 APRIL 2010 (SABTU)**  
**DI DEWAN SERBAGUNA KOLEJ KEDIAMAN KAMPUNG WAI,**  
**KUALA PERLIS, PERLIS**

Bismillahirrahmanirrahim

Y. Bhg. Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan dan Inovasi),

Pegawai-Pegawai Utama Universiti,

Y. Berusaha Encik Razli Ahmad, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan  
Alumni,

Y. Berusaha Dr. Yufridin Wahab, Pengarah Pusat Kerjasama  
Industri UniMAP,

Dekan-Dekan dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP,

Wakil-Wakil Industri dan Agensi Kerajaan, Peserta Karnival Kerjaya  
dan Keusahawanan UniMAP 2010, Seterusnya para hadirin yang  
dihormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
1Malaysia.

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair,  
Ra Thri Sawat.

Terlebih-lebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurnia-Nya dan Keizinan-Nya maka dapat kita bersama-sama hadir pada Majlis Perasmian Penutupan Karnival Kerjaya dan Keusahawanan UniMAP (CEC 2010) pada petang yang cukup berbahagia ini.

Dalam kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak industri dan agensi kerajaan yang terlibat dalam memberikan sokongan kepada penganjuran karnival kerjaya pada tahun ini.

Ucapan syabas dan tahniah juga diucapkan kepada seluruh Ahli Jawatankuasa Pelaksana Karnival Kerjaya dan Keusahawanan UniMAP (CEC 2010) di atas komitmen dan kesungguhan yang telah dipamerkan bagi memastikan kelancaran perjalanan persiapan program sehinggalah terlaksananya program karnival ini dengan jayanya.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,

Proses pendidikan tinggi merupakan satu aspek yang sangat dinamik dan sentiasa mengalami proses evolusi dan transformasi. Untuk itu UniMAP senantiasanya mencari kaedah dan langkah yang bersesuaian dalam meningkatkan potensi dalam diri mahasiswa terutamanya dalam kemahiran sahsiah selain daripada memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang.

Dalam kita berusaha untuk mencapai kecemerlangan, harus diingatkan antara elemen yang perlu diberikan perhatian serius adalah penerapan Kemahiran Insaniah (KI) dalam pembelajaran dan aktiviti pembangunan pelajar termasuklah kokurikulum. Dan inilah yang cuba dilaksanakan oleh UniMAP melalui program **7i – Pillars**.

Ini kerana, penekanan terhadap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dan program-program yang dianjurkan oleh universiti merupakan satu kaedah yang berkesan dalam mengasah kemahiran generik di kalangan pelajar.

Aktiviti kokurikulum dan program yang dirancang khas oleh pihak universiti menjadi pelengkap kepada kitaran pendidikan yang melibatkan domain intelektual yang merupakan wadah bagi pembinaan jasmani, emosi dan rohani.

Di samping itu, penglibatan pelajar dalam aktiviti tersebut akan dapat menerapkan beberapa elemen penting seperti disiplin sendiri, kepemimpinan, etika, komunikasi, penampilan diri, keusahawanan, kreativiti, inovasi dan kecintaan terhadap alam

semula jadi. Ia juga secara tidak langsung dapat membentuk dan menyediakan pelajar menjadi graduan yang memenuhi tuntutan pasaran kerja masa kini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Dan terbukti kini, melalui pelaksanaan Program **7-I Pillars** ini Alhamdulillah graduan-graduan UniMAP dilihat tidak berdepan dengan kesulitan untuk memperolehi pekerjaan dan mudah menyesuaikan diri dengan pihak industri.

Berdasarkan testimonials yang kita terima juga menyatakan dengan jelas, betapa Graduan UniMAP menampilkan keperibadian dan sahsiah yang tinggi sewaktu sesi temuduga.

Lebih membanggakan lagi apabila produk keluaran UniMAP diterima baik oleh industri baik di sektor swasta mahupun sektor awam. Statistik rasmi Universiti menunjukkan sebanyak 100% graduan UniMAP pada tahun 2006 telah mendapat pekerjaan, 96% bagi graduan 2007 dan 88% bagi graduan tahun 2008. Bagi graduan 2009 pula, hampir 60% telah mendapatkan pekerjaan di sektor awam dan swasta.

Namun, dalam konteks ini, para mahasiswa tidak seharusnya mengharapkan pihak universiti sahaja untuk membantu anda sebelum melangkah ke alam pekerjaan, sebaliknya anda juga perlu memahami apakah keperluan dan kehidupan sebenar dalam pekerjaan kelak.

Sehubungan dengan itu anda perlulah sentiasa meningkatkan pengetahuan dalam bidang-bidang berkaitan, memahami matlamat kerjaya yang ingin dituju serta merancang bagaimana dapat meningkatkan skill serta pencapaian dalam kerjaya dimasa hadapan. Semua ini merupakan satu dimensi pemikiran baru yang perlu dimiliki oleh bakal-bakal graduan untuk lebih berdaya saing.

Selaras dengan keperluan dan tuntutan tersebut, maka pengumuman CEC 2010 ini merupakan platform terbaik untuk anda bakal graduan meneroka peluang-peluang pekerjaan dengan industri-industri yang berkaitan.

Barangkali juga ada yang telah berjaya melalui proses temuduga, mengemukakan resume, menghadiri ceramah kerjaya dan sebagainya. Besarlah harapan saya agar anda semua mendapat manfaat daripada program ini dan dalam masa yang sama menghargai kepercayaan yang ditunjukkan oleh industri kepada graduan UniMAP.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya difahamkan pada tahun ini sebanyak 16 industri dan 9 agensi kerajaan yang berkaitan dengan keusahawanan telah menyertai karnival ini seperti Infineon, Permintex, Silterra, Continental Automotive, AMD, Sime Darby, Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Perkhidmatan Awam dan lain-lain lagi.

Penglibatan dan penyertaan syarikat-syarikat ini secara tidak langsung membuktikan kepercayaan mereka terhadap UniMAP yang telah terjalin sejak sekian lamanya. Nyatalah, IPT dan industri harus seiring ibarat “irama dan lagu” serta “aur dengan tebing” yang tidak mampu berpisah.

Hubungan ini sememangnya merupakan sesuatu yang amat positif, apatah lagi jika dilihat dari perspektif ekonomi bidangan. Negara-negara maju di dunia yang kita kenali hari ini seperti Jepun, Korea, Taiwan – saya sekadar menyebut beberapa negara membangunkan negara mereka melalui hubungan rapat antara IPT dan industri.

Atas pelbagai kebaikan yang boleh diperolehi melalui penganjuran karnival sebegini, saya ingin mengesyorkan agar Karnival Kerjaya dan Keusahawanan UniMAP ini dapat dianjurkan secara tahunan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni di samping kerjasama daripada Pusat Kerjasama Industri (C.I.C) dan Pusat-Pusat Pengajian UniMAP.

Manfaat yang diperolehi daripada penganjuran karnival adalah cukup banyak dan penganjurannya boleh disifatkan sebagai sebuah Pusat Sehenti (One Stop Center) yang membolehkan mahasiswa UniMAP mendapatkan maklumat berkaitan peluang-peluang pekerjaan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Akhir kata, semoga matlamat utama penganjuran karnival ini iaitu bagi memberikan pendedahan kerjaya kepada bakal-bakal graduan akan tercapai. Gunakanlah peluang ini sebagai batu loncatan untuk menimba seberapa banyak pengalaman, pengetahuan yang boleh meningkatkan nilai diri kita dimasa akan datang.

**Pergi berehat ke Lubuk Sembilang,  
Hendak menyedut udara yang nyaman,  
Graduan cemerlang negara terbilang,  
Menjana ekonomi memacu kegemilangan.**

Saya dengan lafaz “Bismillahirrahmanirrahim” dengan ini merasmikan Penutupan Karnival Kerjaya UniMAP (CEC 2010).

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.